

10 MAR 1996

PM HADIR KENDURI KAHWIN ANAK NORDIN (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan seorang anggota polis pengiringnya di flat rumah polis Taman Desa Tasik, Jalan Sungai Besi dekat sini.

Dr Mahathir dan isteri menghadiri majlis persandingan Mohd Nasir Nayan, 25, dan Norsaliza, 21, anak sulung Nordin Noor, pengiring kepada Perdana Menteri.

Mohd Nasir adalah seorang peniaga manakala Norsaliza bertugas sebagai juruwang di sebuah pasaraya di ibu negara.

Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah turut menepung tawar dan menabur beras kunyit kepada kedua mempelai di pentas pelamin yang didirikan khas di kawasan bawah flat berkenaan.

Hadirin pada majlis itu mengambil kesempatan untuk bersalaman dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Dr Mahathir dan isteri. -- BERNAMA

HAK RON